

Prof Dr Shahril pantau projek pembangunan UMS-KAL

NST 05.08.2012 4

LABUAN: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Shahril Yusof, telah mengadakan lawatan kerja untuk memantau projek pembangunan yang sedang dilaksanakan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), kelmarin.

Beliau yang diiringi Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) UMS, Ir Roslee Mohd Ali Lee, melawat kemudahan sukan seperti gelanggang futsal, astaka dan padang bola sepak.

Turut dilawati ialah kolej kediaman pelajar yang diberi taklimat oleh Ir Roslee dan Pembantu Teknik Kanan, Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan UMS-KAL, Md Azrie Ag Tanjong.

Hadir sama Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Fong Abdullah.

Prof Dr Shahril berharap kontraktor yang melaksanakan projek berkenaan dapat menyiapkan kerja-kerja yang diarahkan mengikut masa yang telah ditetapkan.


Katanya, projek pengubahsuaian dan penambahbaikan kolej kediaman pelajar perlu disiapkan sebelum pelajar baru sesi 2012/2013 mendaftar pada awal September depan.

Beliau mengingatkan pegawai JPP dan BPP supaya memantau kerja-kerja yang dilakukan kontraktor agar mereka mematuhi aspek keselamatan dan kualiti projek pembangunan yang sedang dilaksanakan itu.

"Kontraktor perlu menyiapkan projek pembangunan tersebut sebelum September depan iaitu masa pelajar baru mendaftar di UMS-KAL," katanya selepas melawat pembinaan gelanggang futsal, astaka, padang bola sepak dan kolej kediaman pelajar.

Sebelum itu, Prof Dr Shahril mengadakan mesyuarat bersama kontraktor di Bilik Seminar yang turut dihadiri Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Pentadbiran, Musnin Mattersah.

Dr Shahril berkata sekiranya berlaku kelewatan, pegawai UMS akan memberi peringatan kepada kontraktor terbabit supaya melaksanakan projek mereka mengikut masa yang telah ditetapkan. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN** (jainuddin@newsabah-times.com.my)



TAKLIMAT ... Prof Dr Shahril (3 kiri) diberi taklimat pembangunan projek futsal oleh Roslee (kiri) sambil diperhatikan Asyraf (Kanan).